

08 MAR 1998

Microsoft

HAYATI MASA DEPAN DENGAN BILL GATES

Oleh: Haryati Karim

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang memahami wawasan Bill Gates mengenai masyarakat masa depan daripada pengasas Microsoft itu sendiri apabila beliau membuat lawatan pertamanya ke sini pada 18 Mac ini.

Gates akan berkongsi maklumat mengenai tiga konsep iaitu Masyarakat Pembelajaran Saling Berhubung, Gaya Hidup Web dan Sistem Rangkaian Digital dengan kira-kira 3,000 orang hadirin di Pusat Dagangan Dunia Putra.

"Ketiga-tiga wawasan itu sebenarnya ialah mengenai perubahan ekonomi kita sekarang daripada berasaskan industri kepada era maklumat dan Bill mahu membantu orang ramai memahami apa yang dapat ditawarkan oleh teknologi maklumat," kata Pengurus Besar Microsoft Malaysia Benedict Lee dalam satu temuramah dengan Bernama, di sini.

"Bill sangat seronok dengan idea-idea ini. Masyarakat Pembelajaran Saling Berhubung ialah wawasan beliau yang paling menarik."

Lee berkata semasa lawatan sehari beliau, Gates juga berminat untuk melihat pembangunan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia, yang beliau merupakan seorang daripada anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC.

Gates, 42, yang mendahului senarai orang paling kaya Forbes bagi tahun 1996 dan 1997 menerusi empayar perisiannya di seluruh dunia, tidak menghadiri mesyuarat kedua IAP di sini baru-baru ini.

Semasa di sini, Gates akan mengadakan perundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi IAP dan penggerak utama MSC.

Lee menjelaskan bahawa Masyarakat Pembelajaran Saling Berhubung direka khusus untuk pendidikan dan ia menyediakan interaksi dalam dan antara sekolah, rumah dan masyarakat sumber pembelajaran menerusi Internet dan komputer peribadi.

Projek itu dikendalikan oleh Microsoft di Harlem, New York tahun lepas dan ia menghasilkan keputusan positif.

Ia mendapati bahawa sekolah-sekolah boleh menarik para remaja daripada melepak dengan menanam minat terhadap komputer.

"Para pelajar dibenarkan membawa pulang komputer Notebook untuk membuat kerja-kerja sekolah mereka. Ini akan membuat mereka sibuk dan ibu bapa juga akan turut terlibat dalam proses itu," kata Lee.

Para guru, pelajar dan ibu bapa serta masyarakat mempunyai peranan utama dalam melaksanakan konsep itu.

"Untuk mengoptimalkan sumbangan dan usaha mereka, para guru, pelajar dan ibu bapa perlu saling berhubung. Apabila semuanya saling berhubung, interaksi di antara mereka pasti bertambah baik," kata Lee, yang sangat optimistik konsep itu akan berjaya.

"Sebagai bapa, apabila pulang dari kerja, saya dapat meninjau dalam komputer apa yang dipelajari oleh anak saya," katanya.

Maklumat mengenai tugas, projek dan ujian anak-anak merka juga boleh diperolehi ibu bapa menerusi komputer. Apa yang lebih utama ialah penyertaan semua anggota keluarga dalam proses pembelajaran anak-anak.

"Apabila kita kata bahawa kebanyakan orang sangsi dengan teknologi baru, cuba kita lihat perlakuan kanak-kanak. Mereka langsung tidak berasa takut," katanya.

Mengenai Sistem Rangkaian Digital, Lee berkata ia dicipta untuk membantu pihak pengurusan dan kerajaan menggunakan teknologi bagi

menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien.

"Jika anda seorang Ketua Pegawai Eksekutif, bagaimana anda menyelaraskan semua kakitangan dan bekerja berasaskan objektif yang sama? Selain bergantung kepada telefon dan mesyuarat, konsep ini akan mengikat mereka kepada sistem rangkaian digital menerusi komputer peribadi," katanya.

Ini akan membantu kerajaan meningkatkan perkhidmatan mereka terutama yang berurusan dengan orang ramai.

Ketika ditanya sama ada para pengurus kanan bersedia untuk merubah operasi dalaman mereka, Lee berkata: "Pengurus-pengurus kanan tidak akan mempertikaikan bahawa perubahan ialah satu cara hidup. Memandangkan ekonomi semakin liberal, ahli-ahli perniagaan kita akan mula berhubung antara satu sama lain di seluruh dunia."

Lee juga memuji langkah kerajaan Malaysia ke arah kerajaan elektronik.

"Jika kerajaan tidak mengumumkan bahawa kerajaan elektronik ialah satu daripada tujuh perkara utama dalam MSC, kami semua pasti kecewa.

"Kesediaan kerajaan menggunakan teknologi yang membolehkan rakyat Malaysia menikmati perkhidmatan pada tahap yang lebih baik menunjukkan terdapat kepimpinan sebenar dalam kerajaan kita," kata Lee. -- BERNAMA

HAK NAK